

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT  
MESYUARAT KETIGA, PENGGAL KETIGA,  
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

---

**PERTANYAAN : LISAN**

**DARIPADA : TUAN AHMAD JOHNIE BIN ZAWAWI [ IGAN ]**

**TARIKH : 04 NOVEMBER 2020 (RABU)**

**SOALAN**

Minta **MENTERI PENDIDIKAN** minta **MENTERI PENDIDIKAN** menyatakan :-

- (a) perancangan jangka panjang Kementerian untuk mempercepat pembinaan sekolah daif di Sarawak memandangkan masih banyak yang perlu di baik pulih atau dibina baru; dan
- (b) sekolah-sekolah yang akan dibina atau di baik pulih dalam masa lima tahun akan datang di bawah Program Bina Baru sekolah daif di kawasan Parlimen Igan.

**JAWAPAN**

Tuan Yang di-Pertua

- (a) Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) komited untuk memastikan fasiliti bangunan dan kemudahan sekolah berada dalam keadaan baik bagi menjamin keselamatan dan keselesaan warga sekolah.

KPM sentiasa berusaha mempercepatkan pelaksanaan projek baik pulih dan pembinaan gantian sekolah-sekolah yang mempunyai bangunan daif di negeri Sarawak. Bagi tujuan ini, KPM telah mengadakan kerjasama rapat dengan pelbagai pihak seperti Jabatan Kerja Raya (JKR) Malaysia, JKR Sarawak, Pihak Kerajaan Negeri Sarawak, termasuk pihak berkuasa setempat. Ini bagi meneliti pelbagai tindakan yang perlu diselesaikan dalam fasa pra pelaksanaan sehinggalah kepada peringkat pelaksanaan projek. Dalam menyelesaikan perkara berkaitan pemilikan tanah bagi sekolah-sekolah yang mempunyai bangunan daif pula, KPM telah melaksanakan usaha untuk pemutihan pemilikan tapak sekolah dengan kerjasama pihak Kerajaan Negeri Sarawak, terutama Jabatan Tanah Dan Survei Sarawak (JTU).

Selain itu, KPM juga telah mendapatkan pengecualian khas daripada Kementerian Kewangan Malaysia untuk memendekkan tempoh pengiklanan tender bagi projek menaik taraf dan membangunkan semula sekolah-sekolah daif ini supaya pelaksanaan projek dapat dipercepatkan.

Dari aspek pembinaan pula, Kerajaan telah bersetuju agar penentuan kaedah pembinaan menggunakan teknologi *Industrial Building System* (IBS) atau secara konvensional akan dibuat berdasarkan kepada aspek aksesibiliti, kos efektif dan tempoh penyediaan agar pelaksanaan projek dapat disegerakan.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, pelaksanaan projek baik pulih bangunan daif di sekolah bagi negeri Sarawak yang dibiayai melalui peruntukan RM1 bilion, iaitu kontra bayaran balik

pinjaman adalah mengikut mekanisme khusus. Mekanisme tersebut telah dipersetujui secara bersama oleh KPM dan Kerajaan Negeri Sarawak. Secara keseluruhan, projek baik pulih bangunan di sekolah dengan dana RM1 bilion tersebut dilaksanakan melalui 3 fasa:

1. Fasa 1 melibatkan 41 buah sekolah dengan kos projek berjumlah RM350 juta;
  2. Fasa 2 melibatkan 52 buah sekolah dengan kos projek berjumlah RM350 juta; dan
  3. Fasa 3 sedang dimuktamadkan senarai dan skop projek oleh KPM bersama-sama Kerajaan Negeri Sarawak melibatkan kos projek sebanyak RM300 juta.
- (b) Bagi Parlimen Igan, terdapat empat buah sekolah akan dinaiktaraf dan dibaik pulih di bawah RMKe-11 *Rolling Plan* ke-4 tahun 2020 dengan kos projek berjumlah RM98.5 juta. Sekolah-sekolah tersebut adalah seperti berikut:
1. SMK Matu;
  2. SK. Kampung Tebaang;
  3. SK. Kampung Pergau; dan
  4. SK. Bawang Tian.

Sekian, terima kasih.